



KEMENTERIAN PERLADANGAN DAN KOMODITI
MALAYSIA

SIARAN MEDIA

LADA MALAYSIA KEKAL POPULAR DI PASARAN DUNIA DENGAN NILAI EKSPORT MENINGKAT 24%

JULAU, SARAWAK, 13 Mei 2025 – Susulan permintaan lada Malaysia yang tinggi di pasaran dunia, nilai eksport lada negara bagi tahun 2024 telah menunjukkan peningkatan yang memberangsangkan iaitu sebanyak 24% kepada RM186.67 juta berbanding dengan nilai RM149.97 juta pada tahun sebelumnya.

Menurut Timbalan Menteri Perladangan dan Komoditi, YB Datuk Chan Foong Hin, permintaan terhadap lada Malaysia terus kekal tinggi kerana faktor kualiti terutamanya kadar kandungan racun makhluk perosak yang rendah serta aroma tersendiri yang memacu permintaan tinggi di pasaran terutamanya negara Jepun, Korea, China dan negara Eropah.

“Kebolehpayaan Lada Malaysia bersaing di pasaran dunia bukan hanya terletak pada kuantiti pengeluaran, tetapi lebih penting lagi, pada kualiti dan penghasilan nilai tambah kepada lada dan produk lada,” katanya semasa Program Lawatan Kerja Industri Agrikomoditi Lada di Rumah Thomas, Nanga Sekedang, Entabai, Julau hari ini.

Maka, Chan menyeru Lembaga Lada Malaysia (MPB) supaya terus memperkukuhkan jaringan kerjasama dengan penggiat industri lada bagi membawa sektor lada negara ke tahap yang lebih tinggi dan mampan.

Beliau berkata, komitmen MPB dalam membangunkan industri lada negara dibuat melalui program *outreach* yang kerap membantu pekebun melalui **program peluasan kawasan tanaman lada dan penyelenggaraan tanaman lada matang** sepanjang pelaksanaan Rancangan Malaysia Ke-12 (2021-2025). MPB berharap melalui pendekatan ini dapat meningkatkan kemahiran dan pengetahuan pekebun dalam mengusahakan tanaman lada dengan lebih berkesan.

Bagi menambahbaik sistem logistik dan memudahkan akses kepada kawasan kebun lada, tambahan dua (2) Projek Jalan Ladang Pekebun Kecil (JLPK) telah diluluskan untuk kawasan Julau pada tahun ini yang melibatkan Rumah Panjang Sang di Rantau Chire dan Rumah Panjang Guntol di Bekiok, Merurun dengan peruntukkan sebanyak RM600,000.

Terdahulu, Chan telah menyerahkan Projek Jalan Ladang Pekebun Kecil (JLPK) Lada Rumah Sang, Nanga Sekedang, Entabai, Julau sepanjang 1.5 kilometer yang telah siap dibina pada Disember 2024 secara simbolik dengan kos penyiapan berjumlah RM209,540.00. Dalam majlis yang sama, beliau turut menyerahkan simbolik bantuan Skim Tanaman Lada Matang kepada pekebun – pekebun lada yang berkelayakan. Bantuan tersebut berupa baja sebatian, dolomite dan racun pertanian yang bernilai RM280,000.00.



KEMENTERIAN PERLADANGAN DAN KOMODITI
MALAYSIA

Seramai 6,980 orang pekebun lada kawasan Julau dengan keluasan tanaman 2,138 hektar telah berdaftar di bawah Sistem E-Pekebun MPB sehingga tahun 2024.

Dalam perkembangan lain, pihak MPB selaku penganjur program lawatan tersebut terus komited memberi fokus kepada aspek kemampanan dan peningkatan produktiviti bagi sektor huluan, pertengahan dan hiliran lada yang terangkum menerusi pelbagai program komprehensif serta mewujudkan jalinan kerjasama kukuh dengan pelbagai pihak. – TAMAT

KEMENTERIAN PERLADANGAN DAN KOMODITI
13 MEI 2025